

## Generasi Z dan Isu Perpaduan

Fariza Md Sham  
Institut Islam Hadhari,UKM &  
Fakulti Pengajian Islam,UKM

### Abstrak

Perubahan masyarakat daripada satu generasi ke satu generasi banyak dipengaruhi oleh perubahan masyarakat peringkat global. Kebiasaannya generasi tersebut diberikan nama mengikut faktor perkembangan industri pada masa tersebut. Contohnya, era 4<sup>th</sup> industrial revolution, masyarakat dipengaruhi oleh dunia teknologi digital dan internet. Pemikiran dan budaya generasi kini adalah didominasi oleh teknologi digital dan internet yang turut mempengaruhi tingkahlaku generasi muda kini. Hal-hal yang berkaitan dengan permasalahan negara seperti isu perpaduan bukan lagi menjadi perkara utama dalam topik perbincangan dan pemikiran generasi Z. Ia menjadi satu cabaran kepada Negara dalam membina perpaduan masyarakat yang berteraskan nilai-nilai dan acuan Malaysia. Adalah penting kepada pengkaji untuk mengenalpasti perubahan tersebut serta memahami psikologi generasi masa kini yang dikenali sebagai Gen Z. Oleh itu, artikel ini membincangkan tentang konsep Generasi Z, ciri-ciri, nilai-nilai dan kecenderungan mereka serta hubungannya dengan pembinaan tapak perpaduan. Hasil kajian mendapati, Gen Z adalah generasi yang lahir pada tahun 1998 hingga 2009. Gen Z dicirikan sebagai generasi teknologi yang mula didedahkan dengan internet dan web sejak bayi atau ketika masih belum mula bercakap. Gen Z membesar di dalam dunia yang berhubung menerusi teknologi ciptaan manusia yang semakin berkembang. Mereka sering berada dalam dunia maya dan boleh berhubung ke seluruh pelusuk dunia tanpa had dan batasan. Inilah satu cabaran dalam penerapan nilai dan norma kepada Gen Z yang berasaskan model Malaysia.

**Kata kunci:** Gen Z, media social, perpaduan, revolusi industry ke-4, internet

### Pengenalan

Perubahan masyarakat daripada satu generasi ke satu generasi banyak dipengaruhi oleh perubahan masyarakat peringkat global. Kebiasaannya generasi tersebut diberikan nama mengikut faktor perkembangan industri pada masa tersebut. Contohnya, era 4<sup>th</sup> industrial revolution, masyarakat dipengaruhi oleh dunia teknologi digital dan internet. Pemikiran dan budaya generasi kini adalah didominasi oleh teknologi digital dan internet yang turut mempengaruhi tingkahlaku generasi muda kini. Hal-hal yang berkaitan dengan permasalahan negara seperti isu perpaduan bukan lagi menjadi perkara utama dalam topik perbincangan dan pemikiran generasi Z. Ia menjadi satu cabaran kepada Negara dalam membina perpaduan masyarakat yang berteraskan nilai-nilai dan acuan Malaysia. Adalah penting kepada pengkaji untuk mengenalpasti perubahan tersebut serta memahami psikologi generasi masa kini yang dikenali sebagai Gen Z. Oleh itu, artikel ini membincangkan tentang konsep Generasi Z, ciri-ciri, nilai-nilai dan kecenderungan mereka serta hubungannya dengan isu perpaduan.

### Ciri-Ciri Generasi Z

Menurut Don Tapscott (2009) dalam bukunya *Grown Up Digital*, Gen Z ditakrifkan sebagai generasi yang lahir pada 1998 hingga 2009. Gen Z dilihat sebagai generasi teknologi yang mula didedahkan dengan internet dan web sejak masih belum mula bercakap lagi. Dalam erti

lain, Gen Z membesar di dalam dunia yang kini berhubung menerusi teknologi ciptaan manusia yang semakin berkembang. Kepesatan teknologi masa kini sebagai alat komunikasi yang lebih bersifat nyata dan realistik menjadi kelebihan kepada Gen Z. Mereka sering berada dalam dunia maya dan boleh berhubung ke seluruh pelusuk dunia tanpa had dan batasan. Mereka saling berkomunikasi melalui internet dan media sosial dengan rakan-rakan dari seluruh dunia, maka Gen Z juga dikenali sebagai iGeneration, generasi internet atau generasi net.

Merujuk kepada hasil kajian lepas, terdapat beberapa ciri yang dipunyai oleh Gen Z. Gen Z mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tersendiri terutama dalam aspek teknologi digital dan cyberspace. Antara ciri tersebut seperti dalam kajian Yanuar Surya(2016) adalah:

1. Mampu mengaplikasikan semua perkara dalam satu masa (*multi-tasking*).
2. Obses dengan perkara yang berkaitan dengan dunia maya.
3. Informasi dan teknologi adalah perkara yang sudah menjadi sebahagian daripada diri mereka.

Selain itu, dalam kajian Hairol(2017) mendapati, ciri-ciri Gen Z ialah:

1. Golongan muda.
2. Dunia mereka telah berevolusi dengan begitu pantas khususnya membabitkan perkembangan digital.
3. Gen Z adalah golongan yang sedang menikmati hasil pembangunan negara.
4. Pemikiran kelompok ini begitu kritis, inovatif dan pola kehidupan yang banyak terdedah dengan nilai global.

Kajian yang dilakukan oleh Oblinger, D.G. & Oblinger, J.L. (2005) mendapati Gen Z mempunyai ciri-ciri tersendiri yang boleh dibezakan dengan generasi sebelumnya, iaitu:

1. Dikenali juga sebagai *internet generation* atau *net generation*, generasi platinum dan *the native gadget*.
2. *Digital literate*. Menggunakan pelbagai teknologi digital dan visual serta lebih menyukai bentuk visual berbanding teks.
3. Gemar berhubung. Selalu berhubung dengan menggunakan rangkaian internet sama ada melalui telefon pintar, tab, laptop walau di mana sahaja berada.
4. Pantas. Memerlukan kepantasan dalam mendapatkan informasi dan maklumat. Malah, kadang-kadang sehingga mengabaikan ketepatan.
5. Pengalaman. Lebih suka belajar daripada diberitahu apa yang seharusnya mereka lakukan.
6. Jaringan sosial. Gemar berhubung sekalipun tidak mengenali antara satu sama lain, suka bermain permainan dalam talian, memuatkan gambar aktiviti seharian untuk tatapan umum dan lain-lain lagi.
7. Visual dan *kinesthetic*. Lebih menyukai petunjuk visual berbanding membaca banyak teks dalam memahami sesuatu arahan atau pengetahuan.

Merujuk kepada ciri-ciri yang diketengahkan oleh pengkaji, ternyata Gen Z adalah satu kelompok generasi yang begitu berbeza dari segi minat, kemahiran, minda, tingkahlaku dan tindakan. Mereka mempunyai ciri tersendiri kesan daripada perkembangan teknologi dan media sosial yang mempengaruhi dan membentuk psikologi dan pemikiran generasi ini. Kehidupan Gen Z yang begitu obses dengan dunia maya dan media sosial menyebabkan

mereka kurang berhubung dan berkomunikasi secara langsung dengan orang di sekeliling mereka. Tetapi mereka mempunyai rangkaian rakan dari seluruh dunia, walau mereka tidak mengenali latar belakang rakan sosial tersebut. Oleh itu, situasi ini telah memberi kesan kepada nilai yang menjadi pegangan mereka dan tidak lagi hanya terikat dengan nilai tradisi dan norma yang telah ditetapkan dalam lingkungan masyarakatnya sahaja.

Merujuk kepada beberapa kajian lepas, terdapat beberapa nilai yang dipegang oleh Gen Z, seperti kajian Stacy Wood (2013) menyatakan generasi Z hanya memfokuskan kepada inovasi, desakan kepada kemudahan, keselamatan dan kecenderungan ke arah escapism (tindakan atau kecenderungan melarikan diri daripada kenyataan dengan menumpukan fikiran kepada sesuatu perkara lain (biasanya yang kurang baik) daripada masalah yang dihadapi sebagai langkah untuk mencari ketenangan.

Manakala menurut Supyan Hussin(2017), pula Gen Z mempunyai nilai seperti,

1. Multi-tasking.
2. Dominan teknologi.
3. Kemahiran mendapatkan maklumat di hujung jari.
4. Berani mencabar dan dicabar.
5. Bebas berdikari.
6. Mengutamakan profesion dan karier.

Begitu juga dengan kajian Siti Mahani Muhazir & Nazlinda Ismail(2015) menyatakan bahawa nilai Gen Z antaranya adalah:

1. Golongan yang sangat tidak sabar kerana mereka mahukan hasil yang segera.
2. Mereka tidak menganggap internet sebagai alat terancang kepada manusia kerana internet sudah wujud bersama-sama mereka selama ini.
3. Mereka tidak mempunyai kemahiran dalam pengucapan awam dan menganggap privasi sebagai teras.
4. Ternyata nilai-nilai Gen Z berbeza sama sekali dengan nilai-nilai yang dipegang oleh generasi terdahulu. Persekitaran termasuk keadaan saintifik-teknikal dan hubungan budaya-ekonomi yang mengelilingi Gen Z telah mengubah nilai mereka dengan ketara. Dengan itu, sosialisasi generasi baru berlaku di bawah keadaan yang diubah ini beerti mereka tidak sama dengan generasi muda yang dahulu. Penerimaan nilai-nilai baru dan pemahaman corak tingkah laku baru adalah sukar untuk ibu bapa, guru dan pembuat keputusan.

Sama ada generasi muda hari ini berbeza atau tidak dengan generasi sebelumnya, tetap mereka perlu berusaha dengan masalah yang sama seperti generasi sebelumnya pada usia yang sama. Cuma yang ketara perbezaannya ialah penggunaan IT, media sosial dan telefon bimbit secara aktif (Maria Torocsik, Krisztian Szucs & Daniel Kehl, 2014). Kenyataan ini menunjukkan bahawa, walau pun Gen Z mempunyai kemahiran IT yang hebat dan ini merupakan satu kelebihan, tetapi permasalahan dan cabaran hidup sebagai orang muda tetap mereka lalui dan hadapi sama seperti generasi terdahulu. Oleh itu, beberapa perkara yang tidak menjadi tumpuan Gen Z, menjadi kebimbangan kepada masyarakat kini seperti isu moral, pegangan agama, nilai dan norma masyarakat setempat serta isu perpaduan dan patriotism.

## **Gen Z dan Cabaran Perpaduan**

Dalam konteks Malaysia, secara langsung Gen Z tidak nampak ketara mereka mengambil berat tentang hal perpaduan. Di mana-mana jelas kelihatan generasi muda masih selesa berada dalam kelompok mengikut kaum dan etnik masing-masing. Ini bukan isu baharu, malah generasi yang lepas pun sentiasa berusaha keras untuk mewujudkan perpaduan dalam kemajmukan masyarakat Malaysia. Situasi ini, adalah kesan dasar pecah-perintah penjajah yang diwarisi (Shamsul Amri, 2008) dan diperkukuhkan lagi dengan pengwujudan sekolah mengikut kaum.

Dalam keadaan Gen Z yang hanya menfokuskan perkara yang berkaitan dengan dunianya yang tersendiri dan tenggelam dalam dunia maya, lebih membimbangkan kerana mereka tidak berhubung dan berkomunikasi secara langsung menyebabkan kemahiran komunikasi antara kaum dan etnik makin berkurang. Sedangkan, salah satu mekanisme untuk perpaduan adalah berlakunya komunikasi sosial dalam masyarakat, tetapi Gen Z tiada kemahiran komunikasi sosial seperti ini.

Kajian lepas mendapati semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan generasi muda semakin merosot dan terhakis (Aziz Ujang et. al, 2014). Kenyataan ini disokong oleh Azizan Bahari et. al, (2004) yang menyatakan bahawa semangat patriotisme dalam kalangan golongan muda mulai luntur disebabkan oleh faktor pengaruh budaya global yang lebih menarik minat golongan muda berbanding isu-isu kenegeraan. Selain itu mahasiswa masih kabur dengan konsep dan semangat patriotisme (Mohd Rumaizuddin Ghazali dan Mohd Rushdan Jalani, 2015). Walaupun ada kajian yang menunjukkan dalam kalangan golongan muda ini mempunyai kesedaran patriotisme namun ia bermusim (Mahat Jamal, 2015).

Selain daripada isu patriotisme, soal perpaduan kaum juga masih lagi belum dapat diukur secara pasti tentang tahap perpaduan keharmonian. Itu sebabnya Kementerian Pendidikan komited untuk mengukur tahap patriotism dan perpaduan kaum dalam kalangan mahasiswa. Ianya bertujuan untuk membentuk sistem pendidikan yang membolehkan pelajar memahami nilai bersama serta berkongsi pengalaman dan aspirasi.

Walaupun pelbagai usaha telah diambil oleh negara bagi memupuk semangat perpaduan antara kaum namun masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa masih lagi tidak menunjukkan hubungan perpaduan yang kukuh (Mior Khairul Azrin, 2011). Malah perpaduan nasional telah ditafsirkan dengan fahaman yang sempit dan berubah-ubah seolah menjadi suatu bentuk pertandingan merebut hak (Shamsul Amri, 2014). Oleh itu sangat penting untuk menganalisis tahap patriotisme dan perpaduan kaum dalam kalangan Gen Z bagi mendapatkan gambaran yang realiti seterusnya membangunkan model pengukuhan patriotism dan perpaduan dalam Gen Z.

## **Kesimpulan**

Hasil kajian mendapati, Gen Z adalah generasi yang lahir pada tahun 1998 hingga 2009. Gen Z dicirikan sebagai generasi teknologi yang mula didedahkan dengan internet dan web sejak bayi atau ketika masih belum mula bercakap. Gen Z membesar di dalam dunia yang berhubung menerusi teknologi ciptaan manusia yang semakin berkembang. Mereka sering berada dalam dunia maya dan boleh berhubung ke seluruh pelusuk dunia tanpa had dan batasan. Inilah satu cabaran dalam penerapan nilai dan norma kepada Gen Z yang berasaskan model Malaysia khususnya dalam isu perpaduan dalam masyarakat majmuk di

Malaysia. Namun begitu, kelebihan Gen Z yang mahir dalam IT, mereka boleh menggunakan platform media sosial dan dunia maya merentas kaum dan etnik dalam usaha membina tapak perpaduan.

### **Penghargaan**

Kertas kerja ini adalah berasaskan penyelidikan yang dibiayai oleh geran Arus Perdana AP-2017-001/3.

## Rujukan

- Aziz Ujang, Jamaluddin Md Jahi, Kadir Arifin, Kadaruddin Aiyub. Kesedaran Generasi Muda Terhadap Patriotisme dan Perpaduan Nasional di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)* 2(2), 2014:31-39.
- Azizan Bahari, Abdul Rahman Aziz & Azimi Hamzah. 2004. *Generasi Muda Menanagani Cabaran*. Alor Star: Yayasan Dr Rodzi.
- Don Tapscott. 2008. *Grown Up Digital: How the Net Generation is Changing Your World*. London: The McGraw-Hill.
- Hairol Anuar Hj Mak Din. 2017. *Klasifikasi Generasi di Malaysia*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2017). Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). 26 – 27 April.
- Mahat Jamal. 2015. *Semangat Patriotisme Melalui Lagu-Lagu Patriotik: Kajian Persepsi Beberapa Orang Belia di Kota Kinabalu, Sabah*. *Jurnal Komunikasi Borneo* (Vol.4, 2015).
- Maria Torocsik, Krisztian Szucs & Daniel Kehl. 2014. *How Generations Think: Research on Generation Z*. *Acta Universitatis Sapientiae. Communicatio*. 23-45.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. 2011. *Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional*. *Sosiohumanika*, 4(1).
- Mohd Rumaizuddin Ghazali dan Mohd Rushdan Jalani. 2015. *Kajian Semangat Patriotisme dan 1Malaysia dalam kalangan Mahasiswa di Timer Tengah*. *Journal Abqari*. Vol.5.
- Nur Azlina Jalaluddin & Nurhasyinda Shahidan. 2017. *Modenisasi Bahasa di Kalangan Gen Z*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan kali ke-2. 26 – 27 April. Selangor: KUIS.
- Oblinger, D.G. & Oblinger, J.L. 2005. *Is Li Age or IT: First Steps toward Understanding the Net Generation*, in *Educating the Net generation*. Diana G. Oblinger & James L. Oblinger. <http://www.educause.edu/educatingthenetgen/>.
- Shamsul Amri Baharudin. 2008. *Hubungan Etnik di Malaysia: Mencari dan Mengekal Kejernihan dalam Kekeruhan*. Bangi: KITA UKM.
- Shamsul Amri. 2014. *Modul Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: KITA UKM
- Siti Mahani Muhazir & Nazlinda Ismail. 2015. *Artikel Psikologi: Generasi Z*. <http://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel>
- Stacy Wood. 2013. *Generation Z as Consumers: Trends and Innovation*. Institute for Emerging Issues.
- Supyan Hussin. 2017. *Wacana Kontemporari Melayu* 2017. <https://supyanhussin.files.wordpress.com>.
- Yanuar Surya Putra. 2016. *Theoretical Review: Teori Perbedaan Generasi*. *Jurnal Ilmiah Among Makarti*. Vol.9. No.18. 123 -134.